



## KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

---

### LAPORAN STATUS KUALITI UDARA DAN JEREBU DALAM NEGARA

---

Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan di laman sesawang Jabatan Alam Sekitar pada jam 2.00 petang ini menunjukkan tiga puluh lapan (38) kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana, **dua puluh sembilan(29) kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat pada hari ini, iaitu:**

- 1) Sungai Petani , KEDAH (IPU - 153)
- 2) Seberang Perai , PULAU PINANG (IPU - 152)
- 3) Minden , PULAU PINANG (IPU - 156)
- 4) Balik Pulau , PULAU PINANG (IPU - 139)
- 5) Taiping , PERAK (IPU - 155)
- 6) Tasek Ipoh , PERAK (IPU - 155)
- 7) Pegoh Ipoh, PERAK (IPU - 153)
- 8) Seri Manjung , PERAK (IPU - 152)
- 9) Tanjung Malim , PERAK (IPU - 157)
- 10) Batu Muda , W.P. KUALA LUMPUR (IPU - 154)
- 11) Putrajaya , W.P. PUTRAJAYA (IPU - 155)
- 12) Kuala Selangor , SELANGOR (IPU - 153)
- 13) Petaling Jaya, SELANGOR (IPU - 152)
- 14) Shah Alam , SELANGOR (IPU - 162)
- 15) Klang , SELANGOR (IPU - 151)
- 16) Banting , SELANGOR (IPU - 146)
- 17) Nilai , NEGERI SEMBILAN (IPU - 154)
- 18) Seremban, NEGERI SEMBILAN (IPU - 152)
- 19) Alor Gajah, MELAKA (IPU - 152)

- 20) Bukit Rambai, MELAKA (IPU - 155)
- 21) Segamat , JOHOR (IPU - 152)
- 22) Batu Pahat, JOHOR (IPU - 152)
- 23) Sarikei , SARAWAK (IPU - 153)
- 24) Sri Aman , SARAWAK (IPU - 170)
- 25) Samarahan , SARAWAK (IPU - 156)
- 26) Kuching , SARAWAK (IPU - 160)
- 27) Tangkak, JOHOR (IPU - 152)
- 28) Johan Setia , SELANGOR (IPU - 173)
- 29) IPD Serian , SARAWAK (IPU - 182)

Kualiti udara dalam negara pada hari ini didapati merosot dengan peningkatan kawasan yang mencatatkan bacaan IPU tidak sihat di negeri-negeri di Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan beberapa kawasan di Sarawak yang disebabkan oleh pergerakan asap jerebu daripada pelbagai arah.

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada **24 Ogos 2026**, imej satelit ***National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) 20***, terdapat **287 titik panas (hotspot)** dikesan di Kalimantan, **65 titik panas (hotspot)** dikesan di Sumatera dan **11 titik panas (hotspot)** dikesan di dalam negara iaitu **2 di Johor, 8 di Sarawak dan 1 di Selangor**.

Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* pada 24 Ogos 2026 menunjukkan keadaan cuaca kering berterusan di kebanyakan kawasan di rantau ASEAN selatan, kecuali hujan yang berlaku terutamanya di bahagian utara Borneo dan Sumatera serta beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia. Kelompok titik panas terpencil hingga bertaburan dikesan terutamanya di beberapa kawasan Kalimantan serta bahagian selatan dan tengah Sumatera. Beberapa titik panas turut dikesan di kawasan lain di rantau ASEAN selatan.

Jerebu rentas sempadan sederhana hingga tebal diperhatikan di Kalimantan Barat dan bergerak ke arah utara menuju bahagian barat Sarawak. Kepulan asap

sederhana hingga tebal turut diperhatikan di bahagian lain Kalimantan serta bahagian tengah dan selatan Sumatera. Kepulan asap setempat ringan hingga sederhana turut diperhatikan berpunca daripada titik panas di bahagian selatan Semenanjung Malaysia, Kepulauan Riau dan Pulau Bangka-Belitung.

Beberapa stesen pengawasan kualiti udara di Kalimantan Barat, bahagian barat Sarawak, bahagian barat Semenanjung Malaysia serta bahagian selatan dan tengah Sumatera merekodkan status kualiti udara pada tahap tidak sihat hingga sangat tidak sihat. Keadaan sebenar titik panas dan jerebu di rantau ini tidak dapat ditentukan sepenuhnya berikutan litupan awan.

**JAS telah meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan aktiviti rondaan harian ke kawasan-kawasan yang berpotensi berlakunya aktiviti pembakaran terbuka serta memantau bacaan IPU dari masa ke semasa.**

**Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan telah diaktifkan bagi menyelaraskan tindakan-tindakan agensi Kerajaan dalam menangani isu pembakaran terbuka dan menghadapi situasi jerebu negara.**

**Semua pemilik tanah dinasihatkan supaya memantau secara rapi kawasan-kawasan yang mudah dan sering terbakar seperti tapak pelupusan sampah, hutan, tanah gambut, ladang, kawasan pertanian dan industri serta mengambil langkah-langkah untuk mencegah pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka sama ada untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.**

## **PELAN TINDAKAN JEREBU KEBANGSAAN (PTJK)**

JAS melalui Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan **sentiasa memantau kualiti udara dari semasa ke semasa** dan tindakan yang akan diambil adalah selaras dengan PTJK yang melibatkan kesemua agensi-agensi berkaitan. Antara tindakan yang perlu dilaksanakan oleh agensi adalah:

- (i) NADMA akan mengaktifkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat daerah/negeri/pusat apabila bacaan IPU melebihi 150 bagi tempoh lebih daripada 24 jam;
- (ii) **menghentikan semua aktiviti di luar bilik darjah** apabila bacaan **IPU melebihi 100**;
- (iii) **Sekolah, tadika dan taska ditutup serta-merta apabila bacaan IPU melebihi 200**. Bagi tujuan ini, pihak sekolah, tadika dan taska dikehendaki sentiasa memantau bacaan IPU. Sekiranya **trend bacaan menunjukkan peningkatan ke arah 200** persediaan perlu dilaksanakan untuk menutup sekolah, tadika dan taska yang berkenaan; dan
- (iv) **Operasi Pembenihan Awan (OPA)** akan dilakukan **tertakluk kepada kehadiran awan dan cuaca yang sesuai pada bacaan IPU melebihi 150** bagi tempoh lebih daripada 24 jam.

Sehubungan itu, JAS bersama Kementerian dan setiap agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana jerebu akan sentiasa bertindak dengan lebih cepat dan responsif di atas tindakan-tindakan seperti yang disenaraikan di dalam PTJK.

## **NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI**

- Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman sesawang Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <https://eqms.doe.gov.my/APIMS/main> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyJAS EQMS di 'Google Play' atau 'App Store';
- Orang ramai dinasihatkan melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia ([www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my)) bagi mendapatkan nasihat kesihatan dan langkah-langkah pencegahan semasa jerebu;
- Orang ramai diingatkan **agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja**. Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024, kadar denda telah dinaikkan kepada minimum RM25,000 dan maksimum RM1,000,000, atau penjara sehingga 5 tahun, atau kedua-duanya. Di samping itu, kompaun sehingga tidak melebihi 50% denda maksimum boleh dikenakan atas setiap kesalahan; dan
- Orang ramai diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**

**HAJAH AZURI AZIZAH BINTI HAJI SAEDON**  
**TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)**  
**25 OGOS 2026**



Peta Jerebu Serantau Yang Dikeluarkan Oleh ASMC Pada 24 Ogos 2026

